

K2 : Soalan Struktur Bahagian A

8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

1. Selepas berlangsungnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 negara kita melalui perkembangan baru dalam sejarah demokrasi negara.

(a) Senaraikan dua pentadbiran persekutuan yang dibentuk oleh kerajaan British di Tanah Melayu.

- (i) _____
- (ii) _____

(2 markah)

(b) Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan telah memberi kesan kepada sistem pentadbiran di Tanah Melayu.

Berikan empat kesan penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan di Tanah Melayu.

(4 markah)

(c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan negara kita mempunyai pemimpin yang berwibawa?

(4 markah)

8.4 Peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu

2. Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu di bentuk pada tahun 1955 selepas pilihan raya umum .

(a) Namakan dua tokoh tempatan yang dipilih untuk mentadbir negara melalui pembentukan kabinet pertama.

- i. _____
- ii. _____

(2 markah)

(b) Terangkan empat peranan yang dijalankan oleh Kabinet Pertama dalam pentadbiran kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

(4 markah)

(c) Konsep negara Persekutuan wajar dikekalkan bagi menjamin kesejahteraan negara. Berikan hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut.

(4 markah)

8.2 Pilihan Raya di Sarawak

3. Pilihan raya turut diadakan di negeri Sarawak dan Sabah untuk memilih wakil-wakil rakyat untuk mentadbir kerajaan negeri masing-masing.

(a) Pilihan raya pertama di sarawak diadakan pada tahun 1956.
Berikan dua kawasan pilihan raya yang paling awal di Sarawak.

- i. _____
- ii. _____

(2 markah)

(b) Jelaskan perkembangan yang berlaku selepas pilihan raya tempatan diadakan di Sarawak.

(4 markah)

(c) Pada pendapat anda apakah kepentingan pelaksanaan pilihan raya dalam negara demokrasi?

(4 markah)